



Dr Wan Azizah menerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Sains, Politik dan Kemasyarakatan daripada Raja Arshad di Kuala Kubu Bharu, (Foto BERNAMA)

Dr Wan Azizah terima ijazah kehormat doktor falsafah UNISEL

Kuala Kubu Bharu: Isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Sains Politik dan Kemasyarakatan Universiti Selangor (UNISEL), semalam.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Bandar Tun Razak menerima anugerah berkenaan daripada Canselor UNISEL, Raja Tan Sri Arshad Alhaj Raja Tun Uda Alhaj sempena Istiadat Konvokesyen Kali Ke-17.

Dr Wan Azizah berkata, anugerah itu adalah satu pengiktirafan bukan hanya kepada beliau, tetapi kepada semua yang membantunya terutama ahli keluarganya sepanjang mengharungi pelbagai cabaran dalam bidang politik atau kehidupan peribadi.

“Saya sudah berpeluang menabur bakti sebagai seorang doktor, merawat pesakit daripada pelbagai lapisan masyarakat dan kemudian menceburi bidang politik.

“Kedua-dua bidang ini memerlukan sokongan dan kepercayaan rakyat untuk berkhidmat,” katanya ketika berucap pada istiadat konvokesyen berkenaan di UNISEL Kampus Bestari Jaya di sini.

Sementara itu, Presiden dan Naib Canselor UNISEL, Profesor Datuk Dr Mohammad Redzuan Othman berkata penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah kepada Dr Wan Azizah adalah sebagai pengiktirafan ke atas sumbangan besar beliau terhadap negara dan universiti berkenaan. **BERNAMA**